2010

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2010

Sistem kewangan Malaysia terus stabil dan menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2010 walaupun terdapat ketidakpastian dan cabaran yang berterusan dalam persekitaran operasi. Sepanjang tahun ini, pengantaraan kewangan terus cekap dan meluas, disokong oleh pasaran kewangan yang berfungsi secara teratur. Asas sistem kewangan dalam negeri yang kukuh bersama-sama dengan persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi telah menyediakan keadaan yang diperlukan bagi pemansuhan secara teratur jaminan deposit sementara yang diberikan oleh Kerajaan pada 31 Disember 2010.

Paras hutang isi rumah terus meningkat, tetapi terus terkawal. Ini adalah hasil sokongan kewangan sektor isi rumah yang kukuh berikutan peningkatan pendapatan, pengumpulan aset kewangan yang semakin bertambah, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras tabungan yang tinggi. Nisbah perlindungan hutang bagi isi rumah (diukur sebagai nisbah aset kewangan kepada jumlah hutang) adalah lebih daripada dua kali, justeru memberikan fleksibiliti kepada isi rumah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi dan pendapatan yang berubah sambil mengekalkan keupayaan mereka membayar balik hutang. Keteguhan sektor isi rumah juga dapat dilihat melalui trend delikuensi isi rumah yang terus bertambah baik. Dengan meningkatnya persaingan antara institusi kewangan dalam menyediakan perkhidmatan kepada segmen runcit, perhatian penyeliaan terus ditumpukan pada penggalakkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan amalan institusi kewangan semasa berurusan dengan pengguna. Ini dilengkapkan lagi oleh peningkatan pengawasan terhadap aktiviti pemberian pinjaman oleh entiti bukan bank bagi mengukur tahap terlebih meminjam oleh sesetengah segmen dalam sektor isi rumah. Langkah awalan dan tertumpu telah diambil oleh Bank bagi memastikan pengurusan hutang oleh bank dan isi rumah adalah berkesan.

Peningkatan aliran masuk dan ketidaktentuan pelaburan portfolio ke dalam rantau Asia, termasuk Malaysia, telah mendorong pemantauan lebih teliti dibuat terhadap pertambahan risiko dalam sistem kewangan dan pasaran aset. Meskipun magnitud aliran portfolio adalah besar, implikasinya terhadap kestabilan kewangan masih terkawal memandangkan amalan pengambilan risiko dalam kalangan institusi kewangan, sektor perniagaan dan isi rumah tidak berubah dengan ketara. Keadaan pasaran kewangan terus teratur manakala pertambahan jumlah dan pergerakan aliran portfolio tersebut telah disalurkan kepada kelas aset yang pelbagai.

Penularan risiko akibat perkembangan luaran, yang kebanyakannya berpunca daripada perkembangan fiskal dan perbankan di Eropah, serta ketegangan geopolitik di Timur Tengah, telah dapat dibendung dengan baik dan hanya memberikan impak yang kecil terhadap sektor kewangan di Malaysia. Ini memandangkan dedahan institusi kewangan negara terhadap rakan niaga dalam rantau tersebut adalah kecil dan kebanyakannya adalah secara tidak langsung. Oleh itu, potensi bagi kerugian kredit sekiranya berlaku insiden kegagalan hutang kerajaan yang meluas adalah terhad. Pengembangan operasi kumpulan perbankan Malaysia di rantau Asia sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah memperdalam hubungan kewangan, dan walaupun keadaan ini telah meningkatkan kemungkinan berlakunya transmisi risiko merentasi sempadan, namun limpahan yang memudaratkan daripada luar negeri dianggarkan kecil. Risiko kredit kepada sistem perbankan yang berpunca daripada operasi di luar negeri terus terurus memandangkan prestasi ekonomi yang kukuh oleh negara-negara di rantau ini. Keadaan ini diperkukuh oleh asas-asas kedudukan kewangan dan keupayaan pengurusan risiko yang mantap pada entiti di luar negeri dan juga di peringkat kumpulan. Selain itu, langkah-langkah telah diambil oleh sebilangan negara di rantau ini untuk mengekang kenaikan harga aset yang keterlaluan.

Keberuntungan sektor perbankan terus bertambah baik pada tahun 2010, didorong sebahagian besarnya oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi dan peruntukan bagi penjejasan (impairment) yang lebih rendah. Permodalan sektor perbankan terus teguh,

diperkukuh oleh modal berkualiti tinggi, yang sebahagian besarnya dalam bentuk ekuiti dan rizab biasa. Agregat nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.8% dan 13.0%, jauh lebih tinggi daripada tahap keperluan minimum kawal selia semasa, dan juga keperluan yang lebih tinggi di bawah Basel III. Sektor insurans dan takaful juga mencatat prestasi lebih kukuh, disokong oleh permintaan yang mampan terhadap produk simpanan dan perlindungan dan juga prestasi pasaran ekuiti yang bertambah baik. Tahap permodalan industri insurans terus kukuh dengan nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) pada 224.6%. Keupayaan sistem kewangan untuk menanggung risiko apabila berhadapan dengan keadaan makroekonomi dan kewangan yang ekstrem terbukti melalui ujian tekanan yang dijalankan ke atas sektor perbankan dan insurans, pada peringkat agregat dan juga institusi.

Sistem perbankan Islam terus berdaya tahan sepanjang tahun 2010, disokong oleh permodalan yang tinggi, kualiti aset yang bertambah baik dan keberuntungan yang mampan dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Pentadbiran berhemat rizab penyamaan keuntungan oleh bank-bank Islam telah menyumbang ke arah pengurusan risiko komersial teralih yang berkesan. Institusi perbankan Islam juga aktif dalam menguruskan risiko jurang penentuan semula harga yang berbangkit daripada ciri pembiayaan portfolio kadar tetap dengan swap kadar keuntungan Islam. Untuk mengurangkan pertumpuan kepada pembiayaan kadar tetap, institusi perbankan Islam juga lebih banyak memberikan tumpuan pada produk pembiayaan Islam berkadar boleh ubah dalam bentuk *musharakah mutanaqisah* (perkongsian berkurang) dan *ijarah* (pemajakan).

Prospek bagi kestabilan kewangan dalam negeri pada tahun 2011 terus positif dengan disokong oleh kekuatan asas sistem kewangan Malaysia. Cabaran utama terhadap kestabilan kewangan pada tahun 2011 dijangka didorong sebahagian besarnya oleh faktor luar, dalam keadaan ekonomi global yang terus tidak menentu. Peralihan mudah tunai global akan terus memberikan cabaran kepada rantau ini, termasuk Malaysia, manakala kenaikan harga komoditi dan tenaga akan mempengaruhi kos sara hidup, terutamanya bagi kebanyakan rakyat Malaysia di kawasan bandar. Peningkatan pengaruh dan ketaraan pemberi pinjaman bukan bank juga perlu diuruskan untuk mengelakkan peningkatan hutang secara keterlaluan dalam kalangan segmen tertentu isi rumah. Walaupun sistem kewangan Malaysia berada dalam keadaan yang baik dengan keupayaan dan fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap risiko yang muncul bagi memelihara kestabilan kewangan, Bank akan terus berwaspada terhadap kemungkinan wujudnya punca-punca risiko ini.

Perkembangan sektor kewangan

Langkah-langkah dasar untuk membangunkan sektor kewangan terus menyokong kestabilan makroekonomi dan momentum pertumbuhan ekonomi, sambil meneruskan usaha jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan dan daya tahan sektor kewangan Malaysia. Inisiatif juga diambil untuk memperkuat saling hubungan antara Malaysia dengan ekonomi global, selain meneguhkan kedudukannya sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, di samping langkah untuk meningkatkan rangkuman kewangan bagi meliputi semua segmen pengguna.

Jaring keselamatan kewangan diperkukuh lagi dengan berkuat kuasanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011 baharu pada 31 Disember 2010. Undang-undang baharu ini memperluas dan menambah liputan sistem insurans deposit. Selain itu, PIDM kini mempunyai pelbagai kaedah intervensi dan penyelesaian yang boleh diguna sekiranya wujud kemungkinan ahli institusi akan mengalami kegagalan. Rangka kerja jaring keselamatan kewangan yang baharu untuk sektor insurans dan takaful juga diperkenalkan dengan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Takaful and Insurance Benefits Protection System, TIPS). TIPS menyediakan perlindungan yang lebih baik untuk pemegang polisi insurans dan peserta takaful.

Dalam usaha meningkatkan keupayaan dan daya tahan sektor insurans, Bank terus menggalakkan penggabungan, terutamanya dalam industri insurans am. Sumber yang banyak melibatkan kerjasama dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan telah ditumpukan ke arah menangani kelemahan struktur dalam sektor insurans motor. Rangka kerja insurans motor yang baharu akan menyediakan perlindungan pihak ketiga yang lebih baik, sambil merintis jalan untuk peralihan secara beransur-ansur dan lancar ke arah pemansuhan tarif dalam sektor kenderaan bermotor.

Langkah dasar segera yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2008 dan 2009 menyediakan persekitaran yang kondusif bagi sektor perniagaan dan isi rumah untuk menguruskan masalah hutang mereka sepanjang tempoh ini, dan memastikan aliran kredit yang berterusan kepada ekonomi bagi membolehkan pengantaraan kewangan berjalan dengan lancar lagi cekap. Jumlah pembiayaan terkumpul sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing mencatat pertumbuhan teguh 9.4% dan 13.4%. Persekitaran pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus bertambah baik dengan usaha berterusan diambil untuk menyediakan rangka kerja institusi yang komprehensif bagi PKS. Ini termasuk pewujudan platform tambahan untuk jangkauan dan pemberian perkhidmatan sokongan dan nasihat untuk PKS, selain langkah bersama oleh institusi kewangan untuk mempercepat kelulusan dan pembayaran pinjaman kepada PKS. Usaha tersebut terus menyediakan sokongan yang diperlukan supaya PKS lebih maju dan berubah menjadi entiti yang lebih besar dan berdaya saing.

Pasaran kewangan Malaysia terus memberangsangkan dan menyokong keperluan pembiayaan korporat dan perdagangan antarabangsa, dengan pertumbuhan kukuh dalam aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran bon dan sukuk dalam ringgit dan mata wang lain. Pasaran pertukaran asing juga menyaksikan peningkatan kedalaman dan mudah tunai hasil daripada pembentukan instrumen kewangan baharu, liberalisasi beransur-ansur dalam peraturan pentadbiran pertukaran asing dan fleksibiliti selanjutnya yang diberikan kepada broker mata wang asing untuk meningkatkan daya saing, kecekapan dan ketelusan pasaran wang dan pertukaran asing.

Inisiatif untuk menyokong pembangunan sektor kewangan Islam terus merupakan agenda penting bagi Bank. Sehubungan dengan itu tumpuan diberikan terutamanya kepada usaha membina keupayaan, pembangunan infrastruktur dan tenaga kerja mahir. Bank turut serta dalam penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) pada Oktober 2010, yang akan menjadi sebahagian daripada infrastruktur Islam antarabangsa untuk menyokong keperluan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam global. Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang peringkat tinggi juga telah dibentuk pada tahun 2010 untuk menghasilkan saranan-saranan bagi meningkatkan kepastian dan kebolehkuatkuasaan kontrak Syariah di Malaysia. Malaysia meneruskan usaha untuk meningkatkan pemahaman industri mengenai Syariah, sambil mengangkat kedudukan profesion penasihat Syariah. Usaha ini dilengkapkan lagi dengan dasar imigresen yang lebih akomodatif untuk menarik mereka yang berkepakaran untuk menyertai industri kewangan Islam dan penambahbaikan berterusan oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dalam bidang pengajian tinggi kewangan Islam. Kesemua usaha tersebut telah memantapkan kumpulan tenaga kerja mahir yang ada bagi menyokong pertumbuhan industri. Pengeluaran empat lesen takaful keluarga baharu untuk usaha sama antara peserta global dan serantau dengan entiti dalam negeri yang kukuh telah memperkukuh lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global.

Sejajar dengan komitmen negara untuk melaksanakan liberalisasi secara berperingkat, lima lesen bank perdagangan baharu telah dikeluarkan kepada institusi asing yang mempunyai kepakaran baharu, rangkaian global dan tawaran nilai yang kukuh agar dapat memberikan sumbangan positif kepada ekonomi Malaysia. Dengan adanya institusi tersebut, sistem kewangan Malaysia dijangka menjadi lebih pelbagai, selain dapat menyokong bidang pertumbuhan baharu dan membantu aliran perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Pada tahun 2010, bank asing yang diperbadankan di Malaysia yang sedia ada juga diberi lebih banyak fleksibiliti dari segi operasi untuk membuka cawangan baharu.

Kumpulan perbankan Malaysia semakin jauh mengorak langkah di rantau Asia, manakala kewangan Islam pula semakin penting dalam sistem kewangan global. Justeru itu, hubungan dan kerjasama dua hala dengan bank-bank pusat sekitar rantau ini dan rantau lain di dunia telah diperkukuh. Rangka kerja jalinan hubungan dan kerjasama dua hala dengan bank-bank pusat terus ditambah baik dengan termeterainya beberapa memorandum persefahaman (memorandums of understanding, MoUs) yang merangkumi pelbagai bidang berkaitan dengan penyeliaan perbankan merentas sempadan, integrasi ekonomi, pembinaan keupayaan dan pembangunan

strategik dalam kewangan konvensional dan Islam. Suatu inisiatif kerjasama utama ialah pelaksanaan Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai yang melibatkan perjanjian swap mata wang untuk semua negara ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Korea untuk memperkukuh lagi kapasiti rantau Asia dalam menangani risiko kestabilan kewangan.

Rangkuman kewangan merupakan satu lagi bidang yang diberi keutamaan tinggi dalam agenda pembangunan Bank pada tahun 2010. Usaha telah dipergiatkan sepanjang tahun untuk memperluas jangkauan perkhidmatan kewangan di seluruh negara, termasuk rancangan seterusnya untuk institusi kewangan membuka cawangan di daerah-daerah yang masih belum mempunyai kemudahan perkhidmatan perbankan di Sabah dan Sarawak. Fleksibiliti juga diberikan kepada institusi perbankan untuk berkongsi platform perkhidmatan melalui kerjasama dengan pihak ketiga bagi memastikan orang ramai mendapat akses lebih mudah kepada perkhidmatan kewangan asas. Akses kepada pembiayaan tanpa cagaran telah menunjukkan pertumbuhan ketara sejak pelaksanaan rangka kerja Pembiayaan Mikro pada tahun 2006, dengan jumlah pembiayaan mikro terkumpul mencecah RM776 juta pada akhir tahun 2010. Usaha ini dilengkapkan lagi oleh Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (1Malaysia Micro Protection Plan, 1MMPP), yang sedang dimuktamadkan oleh industri insurans dan takaful. Pelan ini bertujuan menyediakan jaring keselamatan kepada usahawan mikro dan individu. Bank juga giat meneruskan usaha memperkasa pengguna melalui maklumat kewangan, pendidikan dan bantuan. Selain itu, usaha juga dipertingkat melalui kerjasama strategik dengan persatuan pengguna bagi melaksanakan program celik kewangan buat masyarakat dan golongan muda di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negara.

Usaha pada peringkat kebangsaan untuk membendung aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan ditingkatkan lagi dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT) Kebangsaan 2010 – 2012 untuk mendapatkan hasil yang berimpak tinggi, peruntukan sumber yang lebih optimum dan pemantauan langkah AML/CFT yang lebih rapi. Kajian semula yang menyeluruh juga dibuat terhadap rejim undang-undang dan pengawalseliaan industri pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang untuk memajukan dan memodenkan industri tersebut, di samping terus memperkukuh tembok perlindungan daripada aktiviti haram.

Melangkah ke hadapan, keutamaan dalam agenda pembangunan dijuruskan ke arah pelaksanaan rangka tindakan sektor kewangan baharu, bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor kewangan negara untuk menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Antara tunggak asas pelan ini adalah untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi perkhidmatan kewangan Islam, menyokong kajian semula yang menyeluruh terhadap sistem pencen dan keselamatan sosial memandangkan trend demografi dan sosial di Malaysia serta terus memperkuat kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa dengan memudahkan pertumbuhan selanjutnya urus niaga kewangan merentas sempadan.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Dengan landskap sistem kewangan global yang sentiasa berubah dan sistem kewangan global yang semakin bersepadu, rangka kerja dasar kestabilan kewangan yang diterima pakai oleh Bank memberi lebih tumpuan pada peranan rangka kerja dasar kehematan mikro dan makro yang saling memperlengkap, di samping pengawalan dan penyeliaan terhadap amalan pasaran.

Inisiatif pembaharuan global oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) mencatat kemajuan besar pada tahun 2010 dengan pengeluaran piawaian modal dan mudah tunai baharu pada September 2010. Usaha kini ditumpukan untuk menyempurnakan langkah menentukur (calibration) cadangan-cadangan selebihnya dan menyelaraskan pelaksanaan pada peringkat global. Berdasarkan penilaian awal yang dibuat oleh Bank, institusi perbankan di Malaysia berupaya memenuhi piawaian modal yang lebih tinggi, disokong oleh kedudukan modal yang kukuh, keberuntungan yang berterusan dan strategi pengambilan risiko yang berhemat. Walaupun pelaksanaan piawaian mudah tunai global baharu pastinya lebih mencabar, terutamanya disebabkan ciri-ciri struktur pasaran

pendanaan dalam negeri, tempoh masa dan tempoh pemerhatian yang dilanjutkan oleh BCBS akan membolehkan Bank terus menilai kesannya sebelum ia dilaksanakan.

Strategi pelaksanaan penerapan piawaian antarabangsa baharu pada peringkat dalam negeri akan dijelaskan dengan lebih lanjut pada tahun 2011. Ia akan melibatkan penelitian rapi terhadap kesan kemungkinan ke atas ekonomi, kesediaan sistem kewangan secara keseluruhan dan manfaat yang dapat diraih daripada langkah memperkukuh daya tahan sistem kewangan terhadap kejutan masa hadapan.

Inisiatif global untuk memperteguh daya tahan sistem kewangan Islam diteruskan lagi pada tahun 2010. Pasukan Petugas Mengenai Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global telah menerbitkan Laporan Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global yang membentangkan lapan asas utama bagi sistem kewangan Islam yang teguh dan berdaya tahan dalam persekitaran global yang semakin mencabar. Malaysia sudah melangkah jauh dalam membina asas-asas utama ini kerana usaha untuk membangunkan sektor kewangan Islam telah dilaksanakan selari dengan sistem kewangan konvensional sejak sedekad yang lalu.

Penerapan pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) bagi risiko kredit oleh 11 institusi perbankan dan pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) – komponen Tunggak 2 dalam Basel II – menyempurnakan peralihan Malaysia kepada Basel II. Di samping itu, keperluan kehematan bagi tadbir urus ditingkatkan untuk menggalakkan penilaian lebih efektif berhubung dengan kesesuaian dan kewajaran orang-orang yang memegang jawatan penting dalam institusi kewangan.

Pada masa yang sama, rangka kerja pengawalseliaan bagi sistem kewangan Islam terus ditambah baik melalui pembangunan rangka kerja kesolvenan yang lebih mantap, rangka kerja pengawalseliaan yang lebih kukuh bagi pengurusan dana takaful dan keperluan tadbir urus Syariah untuk bank-bank Islam dan pengendali takaful. Keperluan kecukupan modal untuk pengendali takaful juga terus diperhalusi, menggunakan parameter yang diwujudkan sebelum itu di bawah cadangan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk pengendali takaful (Risk-Based Capital Framework for takaful operators, RBCT) dan merangkumi caj risiko yang ditentukur untuk menggambarkan perbezaan teras antara model perniagaan dalam operasi takaful.

Aktiviti penyeliaan pada tahun 2010 terus tertumpu pada usaha mengukuhkan keupayaan institusi kewangan untuk menjangka dan bertindak balas terhadap risiko yang muncul serta memastikan kedudukan berisiko dan kelemahan yang telah dikenal pasti akan diambil tindakan susulan dan diperbetul secara berkesan. Fokus terus ditumpukan ke arah menggalakkan ujian ketahanan dan proses pengurusan modal yang lebih jitu bagi memastikan daya tahan institusi kewangan terus mampan di bawah pelbagai senario kewangan dan ekonomi. Penilaian penyeliaan secara tematik turut dilaksanakan untuk mengkaji amalan lembaga pengarah institusi perbankan dan menilai keberkesanan langkah AML/CFT yang dilaksanakan oleh institusi kewangan. Hasil daripada aktiviti dan penilaian penyeliaan ini membolehkan Bank bertindak balas dengan lebih awal terhadap sebarang kelemahan yang dikenal pasti melalui tindakan penyeliaan yang wajar.

Bank turut meningkatkan pemantauannya terhadap amalan pasaran berikutan persaingan yang bertambah sengit dalam segmen runcit. Meskipun institusi perbankan pada amnya terus mematuhi standard penajajaminan yang berhemat, tahap ketegasan standard yang digunakan untuk menilai kesesuaian dan kemampuan pelanggan membeli produk yang ditawarkan amat berbeza. Oleh itu, Bank mendapati adalah wajar untuk menetapkan kehendak yang jelas mengenai tingkah laku bertanggungjawab bagi institusi kewangan semasa menjalankan perniagaan pembiayaan runcit. Garis Panduan Kad Kredit baharu turut dikeluarkan untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan infrastruktur kad kredit, memperkukuh perlindungan kepentingan pelanggan dan mengurangkan kemungkinan berlakunya risiko penipuan.

Dalam aspek pematuhan AML/CFT, peningkatan ketara termasuk tahap kesedaran dan keupayaan teknikal yang lebih tinggi, penggunaan amalan penerimaan pelanggan dan usaha wajar yang lebih canggih dan pintar, serta penggunaan model pemantauan urus niaga berpusat yang lebih menyeluruh didapati adalah ketara di seluruh industri. Untuk menyokong pemantauan dan pengawasan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan secara lebih berkesan,

rangka kerja penilaian penyeliaan Bank untuk AML/CFT telah ditambah baik agar dapat memberikan panduan tambahan kepada para penyelia semasa melaksanakan penilaian AML/CFT. Ini bagi memastikan integriti sistem kewangan terus terpelihara.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi dengan lancar sepanjang tahun 2010. Sistem ini juga menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan pengekalan keyakinan awam. Pada tahun 2010, fokus pengawasan penyeliaan adalah kepada usaha memastikan agar sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik (Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS)) terus berfungsi, dengan usaha progresif dilaksanakan untuk meningkatkan dan memodenkan sistem agar lebih cekap dan boleh diyakini. Tumpuan juga lebih banyak diberikan kepada sistem pembayaran runcit utama seperti yang dikendalikan Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan Touch 'n Go Sdn. Bhd. (TnG) bagi memastikan ia kekal teguh dan beroperasi lancar. Pada tahun 2010, langkah telah diambil untuk memperkukuh keperluan pengawalseliaan bagi pembayaran runcit untuk menggalakkan pengendalian perkhidmatan perbankan elektronik yang selamat oleh institusi kewangan.

Bank terus menggiatkan usahanya untuk mencapai penembusan lebih meluas bagi pembayaran secara elektronik dalam sektor sasaran. Pelaksanaan inisiatif pembayaran saham dan dividen melalui saluran elektronik pada tahun 2010 menambah lagi kecekapan dalam pasaran modal, serta memudahkan dan menyediakan akses lebih mudah dan pantas kepada pelabur untuk mendapatkan dana. Usaha juga terus digembleng untuk mewujudkan ekosistem perbankan dan pembayaran mudah alih yang terbuka dan saling terhubung antara satu sama lain, yang seterusnya akan menggalakkan penggunaan saluran perbankan dan pembayaran mudah alih yang lebih meluas di negara ini.

Inisiatif kerjasama dalam kalangan bank pusat di rantau ASEAN dan peserta industri serantau berhubung dengan integrasi sistem pembayaran serantau turut dipergiat untuk merealisasikan hasrat untuk membentuk Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2015.